



**SISTEM ePEROLEHAN
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA**

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

TARIKH IKLAN : 13 April 2022 (Rabu)

Tawaran Tender adalah dipelawa daripada Pembekal-Pembekal yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam kod bidang seperti di bawah untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK (Kehadiran Taklimat/Lawatan Tapak DIWAJIBKAN)	KOD BIDANG	KAEDAH PEROLEHAN
<p>Tawaran Tender Membekal, Memasang, Menguji Dan Mentauliahkan Kenderaan Ambulans 100 Unit Type A Dan 490 Unit Type B Bersama Kelengkapan Peralatan Perubatan Bagi Kegunaan Hospital Dan Klinik Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia</p> <p>No. Tender: QT22000000007226</p>	44/2022	Dokumen Tender boleh diperolehi/dijual selepas taklimat/lawatan tapak pada 21 April 2022 (Khamis) .	<p>Tarikh : 20 April 2022 (Rabu) Masa : 2.00 petang Tempat : Auditorium, Pejabat Kesihatan Putrajaya, Jalan P11/2, Presint 11, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62300 Putrajaya.</p> <p>Syarat:</p> <p>a) Petender DIWAJIBKAN untuk menghadiri sesi taklimat, namun HANYA SATU (1) WAKIL PETENDER DIBENARKAN HADIR.</p> <p>b) Petender dikehendaki untuk mematuhi semua peraturan di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737) dan mengemukakan salinan dokumen seperti berikut:- i) Lesen Establismen; ii) Sijil Pendaftaran Peranti Perubatan; iii) Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan iv) Bukti Perakuan sebagai Bengkel Kejuruteraan yang berdaftar dibawah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dengan kelayakan perakuan minimum sebagai kategori B.</p> <p>c) Hanya PENAMA di dalam Perakuan Pendaftaran Kontrak (PPK)/Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan SAHAJA yang boleh hadir ke sesi taklimat tender. PENAMA wajib membawa DOKUMEN di atas bagi mengesahkan kehadiran di sesi taklimat</p>	110199	Secara ePerolehan

BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK (Kehadiran Taklimat/Lawatan Tapak DIWAJIBKAN)	KOD BIDANG	KAEDAH PEROLEHAN
			tender. ❖ Sebarang pertanyaan berkenaan taklimat sila hubungi: Sektor Teknikal & Korporat, Cawangan Perancangan, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras 3-7, Blok E3, Parcel E, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62590 Putrajaya (Encik Muhamad Faiz bin Shahrom) No. Telefon : 03 – 8892 4771		
❖ PERHATIAN : SILA RUJUK DOKUMEN TAWARAN – SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN TENDER YANG TERKINI DALAM SISTEM ePEROLEHAN					

Telecenter:

**Bahagian Perolehan dan Penswastaan,
 Kementerian Kesihatan Malaysia,
 Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
 62590 PUTRAJAYA
 No. Telefon : 03-8883 3022**

Dokumen Tender boleh disemak mulai **13 April 2022 (Rabu)** dengan melayari **www.eperolehan.com.my**.

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Sistem ePerolehan mempelawa pembekal secara **Auto Invite**. Hanya pembekal yang mempunyai kod bidang berkenaan sahaja layak menyertai tender tersebut.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan pada atau sebelum **13 Mei 2022 (Jumaat), jam 12.00 tengah hari**. Semua dokumen pelawaan, dokumen tawaran dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara elektronik dan penyerahan **dokumen secara manual adalah tidak dibenarkan**. Penyerahan secara manual hanya dibenarkan bagi sampel sahaja (jika berkenaan). Pihak tuan, adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) perenggan 8(x)(b)(5) dibaca bersama PP/PK2.1 Garis Panduan Penilaian Tender – Perenggan 16(b)(vii) dan PP/PK5.1 perenggan 5.1.3(x)(3) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal**.

Tawaran yang lewat tidak akan diterima.

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran.

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

*Yang mana berkenaan

Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia.